

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK IGNATIUS DARELL LEIKING  
(PENAMPANG)**

**TARIKH : 29 SEPTEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK IGNATIUS DORELL LEIKING [ PENAMPANG ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah terdapat rancangan atau pelan untuk mengubah suai kapal terbang penumpang kepunyaan MAS menjadikan kapal terbang kargo untuk menampung peningkatan pesat permintaan perkhidmatan kargo udara sebagai sebahagian daripada perancangan pemulihannya.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Bagi mengurangkan kesan penurunan permintaan perkhidmatan penerbangan penumpang yang mendadak disebabkan oleh penularan wabak COVID-19 dan sekatan perjalanan serta penutupan sempadan negara di seluruh dunia, Malaysia Airlines Berhad (MAB) telah mengambil inisiatif dengan menggunakan pesawat penumpang untuk menyediakan perkhidmatan kargo tanpa membawa penumpang.

Penyediaan perkhidmatan kargo seperti ini yang dikenali sebagai *Passenger-to-Cargo* (P2C) adalah menggunakan ruang *belly cargo* dalam pesawat. Di samping itu, MAB juga mengendalikan penerbangan *Cargo-in-Cabin* (CIC) di mana kargo diletakkan di tempat duduk penumpang, ruang penyimpanan *overhead*, almari dan di bawah tempat duduk penumpang. Kedua-dua penerbangan P2C dan CIC ini tidak memerlukan sebarang pengubahsuai pesawat.

Pada tahun 2020, MAB telah mengendalikan sebanyak 1,612 penerbangan P2C dan CIC. Bagi tahun 2021 pula, sehingga 31 Julai 2021, MAB telah mengendalikan sebanyak 2,033 penerbangan P2C dan CIC. Antara destinasi utama MAB dalam menyediakan kedua-dua perkhidmatan kargo di atas adalah New Delhi, Madras, Mumbai, Sydney, Melbourne, Auckland, Beijing, Seoul, Narita, Kansai, Hong Kong, Yangon, Bangkok dan Manila.

Untuk makluman, penerbangan P2C dan CIC ini adalah langkah sementara MAB dalam usaha menjana pendapatan syarikat di bawah rancangan pemulihannya sementara menunggu permintaan terhadap perkhidmatan penerbangan penumpang kembali pulih.